



Ruj. Kami : JPT.S (BPKI)2000/016/018/020 **Jl. 2(2)**  
Tarikh : 18 April 2022

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan.,

### MAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN BAGI GERAN PENYELIDIKAN DI BAWAH DANA PENYELIDIKAN PADANAN ANTARABANGSA (MYPAIR) *MALAYSIA-SPAIN INNOVATING PROGRAMME (MySIP)* TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, *Malaysia Partnerships and Alliances in Research (MyPAiR)* merupakan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam mengukuhkan penyelidikan Malaysia melalui kerjasama penyelidikan bersama industri dan antarabangsa. Kerjasama penyelidikan yang dilaksanakan di bawah MyPAiR merupakan pelaksanaan projek secara bersama dengan rakan kerja daripada sektor industri dan akademik dalam negara mahu pun antarabangsa. Kerjasama penyelidikan dicapai melalui perkongsian kepakaran, sumber, peralatan dan infrastruktur dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan.

3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan kerjasama *Malaysian Industry Government Group for High Technology (MIGHT)* dan *The Centre for the Development of Industrial Technology, E.P.E. (CDTI)* telah bersetuju untuk melaksanakan ***Malaysia-Spain Innovating Programme (MySIP) Tahun 2022*** di bawah inisiatif MyPAiR. Pembukaan permohonan ini adalah khusus bagi pelaksanaan kerjasama projek inovasi dalam bidang-bidang berikut:

- a) *Sustainable City Development* (Pembangunan Bandar Lestari);
- b) *Knowledge-based Economy/k-Economy* (Ekonomi berasaskan Pengetahuan);
- c) *Advanced Manufacturing and Materials* (Pembuatan dan Bahan Termaju);
- d) *Health* (Kesihatan);
- e) *Electrical & Electronics* (Elektrikal & Elektronik);
- f) *Aerospace* (Aeroangkasa); dan
- g) *Smart Agriculture* (Pertanian Pintar).

4. Program ini merupakan satu program untuk menggalak dan mempromosi pembangunan penyelidikan dan teknologi yang didorong oleh pasaran (*market-driven*) serta untuk menggalakkan kerjasama dan projek kerjasama penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R&D&I) di antara entiti dari kedua-dua negara melalui pembiayaan secara padanan daripada JPT, MIGHT dan CDTI. Peruntukan bagi penyelidik daripada Universiti Awam (UA) adalah di bawah pembiayaan JPT, peruntukan rakan industri Malaysia di bawah pembiayaan MIGHT manakala peruntukan bagi rakan industri Sepanyol adalah di bawah pembiayaan CDTI.

5. Permohonan projek perlu berasaskan industri dan berorientasikan pasaran yang mana kerjasama yang dibangunkan adalah berteraskan kerjasama teknologi bersama di antara syarikat, organisasi penyelidikan, akademik di Malaysia dan rakan industri (*start-ups*, PKS dan syarikat besar) di Sepanyol melibatkan pembangunan atau penambahbaikan yang penting (*substantial*) terhadap produk, proses atau perkhidmatan. Permohonan bagi program ini mestilah melibatkan penyelidik daripada UA dan industri Malaysia serta rakan industri daripada Sepanyol. Ahli projek perlu menepati syarat-syarat permohonan yang ditetapkan sepertimana Garis Panduan MYSIP 2022.

6. Pihak universiti adalah dipohon untuk mengambil perhatian akan perkara-perkara berikut:

6.1. **Permohonan perlu disediakan secara bersama** dengan rakan kolaborasi menggunakan templet permohonan yang disediakan;

6.2. Permohonan perlu diperaku oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan **dimajukan kepada urus setia sebelum atau pada 25 Julai 2022 (Isnin) jam 5.00 petang** melalui emel ke **danakhas.bkpi@mohe.gov.my** dan **satu (1) salinan keras** ke alamat berikut:

**Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT  
Aras 7, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
(u.p.: Urusetia Dana Khas);**

6.3. Permohonan yang sama juga perlu dikemukakan oleh Ketua Projek (PI) Sepanyol melalui laman web CDTI;

6.4. Pemohon adalah dipohon untuk melengkapkan dan mengemukakan **MOHE Cost Proforma** seperti di **Annex 3. Cost Proforma** ini merupakan perincian peruntukan yang dipohon oleh penyelidik Malaysia daripada KPT;


- 6.5. Pemohon perlu mengenal pasti rakan kerjasama (*counterpart*) industri Malaysia dan Sepanyol. Pihak Kementerian tidak dapat membantu dalam mengenalpasti rakan kerjasama tersebut. Bukti persetujuan untuk berkerjasama perlu dilampirkan bersama permohonan;
- 6.6. Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) perlu mengemukakan permohonan dari Institusi masing-masing secara bersekali. Senarai keseluruhan permohonan (*masterlist* – **Annex 4**) perlu dihantar bersama; dan
- 6.7. Penilaian dalaman Institusi tidak perlu dilaksanakan.
7. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada pegawai berikut:
- Puan Dinesh Kaur a/p Karpal Singh**  
dinakaur@mohe.gov.my  
03-8870 6952
- Cik Nor Amira Farhana Ahmad Zailani**  
amira.zailani@mohe.gov.my  
03-8870 6969 samb. 4584
8. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. MADYA DR. MOHD AZMIR BIN MOHD NIZAH)**

b.p. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi

## **SENARAI EDARAN**

### **UNIVERSITI AWAM (UA)**

**YBrs. Prof. Dr. Shaliza binti Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Malaya (UM)  
Lembah Pantai  
50603 **KUALA LUMPUR**

**YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman bin Mohamed**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Aras 6, Bangunan Canselori  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 **PULAU PINANG**

**YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi  
**SELANGOR**

**YBrs. Prof. Dr. Nazamid Saari**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Serdang  
**SELANGOR**

**YBrs. Prof. Dr. Rosli Bin Md. Illias**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 Skudai  
**JOHOR**

**YBrs. Prof. Dr. Ahmad Hafiz Zulkifly**

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Aras 4, Bangunan Rektor  
Kampus Gombak  
53100 **SELANGOR**

**YBrs. Prof. Dr. Shahimi Mohtar**

Menjalankan Fungsi

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Universiti Utara Malaysia (UUM)

Aras 4, Bangunan Canselori

06010 Sintok

**KEDAH**

**YBhg. Prof. Dr. Wan Hashim bin Wan Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Aras 6, Bangunan CAUH Kampus Barat

94300 Kota Samarahan

**SARAWAK**

**YBrs. Prof. Dr. Rasid Mail**

Menjalankan Fungsi

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu

**SABAH**

**YBrs. Prof. Ts. Dr. Suriani Abu Bakar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Jalan Slim

35900 Tanjong Malim

**PERAK**

**YBrs. Prof. Ts. Dr. Sharifudin Bin Md Shaarani**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Univesiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai

**NEGERI SEMBILAN**

**YBrs. Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Aras 5, Bangunan Canselori Tuanku Syed Sirajuddin

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

40450 Shah Alam

**SELANGOR**

**YBrs. Prof. Dr. Shahir Shamsir Omar**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Univesiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
86400 Parit Raja  
Batu Pahat  
**JOHOR**

**YBrs. Prof. Dr. Marinah Mohd Ariffin**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
21030 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

**YBrs. Prof. Dr. Ghazali bin Omar**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
**MELAKA**

**YBrs. Prof. Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
Aras 2, Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan  
**PAHANG**

**YBrs. Prof. Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Tingkat 10, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar  
**PERLIS**

**KOSONG**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Univesiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
**TERENGGGANU**

**YBrs. Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Karung Berkunci 36

16100 Pengkalan Chepa

Kota Bharu

**KELANTAN**

**YBrs. Prof. Dr. Azizi bin Miskon**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

57000 Kem Sungai Besi

**KUALA LUMPUR**